

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[TELOK KEMANG]**  
**TARIKH : 18 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]** minta  
**MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) kerangka 'framework' Kementerian dalam menggunakan rawatan alternatif untuk meregulasi rawatan penyakit-penyakit sedia ada; dan
- (b) setakat mana pengamal perubatan alternatif dilibatkan dalam perundingan untuk merangka 'framework' tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pertama sekali saya ingin memberikan pencerahan berhubung dengan penggunaan istilah 'rawatan alternatif'. Untuk makluman Ahli Dewan, konsep perubatan tradisional dan komplementari yang diamalkan di Malaysia adalah sebagai pelengkap atau komplementari bagi perubatan moden. Merujuk kepada Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari

2013, amalan perubatan tradisional dan komplementari membawa maksud suatu bentuk amalan yang berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau sakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu.

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 telah digubal dan diwartakan pada 8 Februari 2013. Akta ini sedang menunggu tarikh penguatkuasaan. Tujuan Akta ini digubal dan seterusnya dikuatkuasakan adalah untuk menubuhkan sebuah majlis iaitu Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari untuk mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di Malaysia serta mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Semenjak mesyuarat pertama penggubalan Akta ini pada tahun 2006 sehingga dibahaskan di Parlimen pada tahun 2012, terdapat beberapa siri taklimat, jerayawara (roadshow) dan perbincangan yang telah dilaksanakan di seluruh negara untuk memberikan pencerahan dan mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan (stakeholders).

Secara ringkas, sebanyak 24 taklimat telah dijalankan pada tahun 2007, 15 taklimat pada tahun 2008, 21 taklimat pada tahun 2009, 7 taklimat dari Januari sehingga Jun 2010 sehingga Rang Undang-Undang ini dihantar ke Bahagian Gubalan, Pejabat Peguam Negara pada bulan Jun 2010. Taklimat-taklimat ini telah dijalankan kepada pihak berkepentingan untuk memberi penerangan berhubung Rang Undang-Undang yang sedang digubal pada ketika itu. Setiap kali taklimat-taklimat ini dijalankan, pihak Kementerian telah menjemput para pengamal perubatan tradisional dan

komplementari sama ada melalui badan pengamal yang telah dilantik atau secara terus kepada pengamal melalui pangkalan data pihak Kementerian. Selain itu, pada tahun 2011 dan 2012 sebelum Akta ini dibahaskan di Parlimen, pihak Kementerian telah memberikan taklimat kepada wakil daripada badan pengamal yang telah dilantik. Melalui saluran ini, maklumat berkenaan dengan Akta telah disampaikan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan telah diambil maklum.